



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 45/2011 ( 6 hingga 12 November 2011)

Pada minggu ke-45 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 6 hingga 12 November 2011, sejumlah 367 kes demam denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 1 kes berbanding dengan 366 kes dan tiada kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Kelantan yang meningkat sebanyak 11 kes (122%), Perak 5 kes (17%), Selangor 5 kes (3%), Sarawak 4 kes (24%), P.Pinang 3 kes (23%), Sabah 2 kes (40%) dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya meningkat sebanyak 2 kes (4%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 12 November, sebanyak 17,033 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 60% atau 25,291 kes berbanding dengan 42,324 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 28 kematian akibat demam denggi dilaporkan, menurun sebanyak 77% berbanding 121 kematian pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian demam denggi dilaporkan di Selangor yang melibatkan seorang pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) berusia 22 tahun. Pesakit ini telah

mendapatkan rawatan awal sebanyak 2 kali di pusat kesihatan IPTA tersebut tetapi tidak didiagnosa sebagai denggi. Pesakit telah pulang ke kampungnya di Segamat, Johor dan mendapatkan rawatan di sebuah klinik kerajaan sebelum dimasukkan ke wad di Hospital Segamat. Pesakit kemudiannya dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu bagi rawatan lanjut dan meninggal dunia setelah 3 hari dirawat di hospital tersebut. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan disemua premis di sekitar kawasan tempat pesakit belajar dan di sekitar kediaman di kampung beliau bagi memastikan tiada lagi jangkitan demam denggi berlaku.

Pihak Kementerian Kesihatan memandang serius akan isu kegagalan mendiagnosa denggi pada pesakit, oleh itu taklimat mengenai Pengurusan Kes Denggi telah pun diberikan terhadap anggota-anggota di pusat kesihatan tersebut pada minggu lepas. Latihan Pengurusan Kes Denggi untuk pengamal perubatan kerajaan dan swasta dilaksanakan secara berkala disetiap negeri oleh Kementerian Kesihatan, bagi menjamin perkhidmatan pengurusan kes yang disediakan adalah yang terbaik dan kematian akibat denggi dapat dielakkan.

Sejumlah 60 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara, menurun 8 berbanding 68 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat enam (6) lokaliti *hot spots* dengan 77 kes dilaporkan berlaku di WP Kuala Lumpur iaitu Kolej ke 12 Universiti Malaya dan Taman Gembira di zon Klang Lama, PPR Desa Tun Razak di zon Cheras, Kg Baru C (Raja Abdullah / Raja Alang / Raja Uda / Raja Musa Abd Aziz / Jalan Hamzah / Jalan Daud / Raja Mahmud) di zon Pusat Bandar manakala di Selangor Jalan Bunga Melur Taman Suria Jaya di daerah Hulu Langat dan Seksyen 35 (Teres B Alam Impian) di daerah Klang (Lampiran B). Tiga

atau 50% daripada 6 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran C). Sikap penduduk setempat yang kurang memberikan kerjasama semasa aktiviti gotong-royong dijalankan amatlah dikesali kerana persekitaran kawasan tersebut terdapat banyak tempat-tempat pembiakan Aedes.

Cuti sekolah yang akan tiba, sudah pastinya ramai masyarakat akan pulang ke kampung dan bercuti. Pastikan apabila meninggalkan rumah lebih dari seminggu, tiada bekas yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes ditinggalkan. Di mana pun anda berada, sekiranya mengalami demam, dapatkan rawatan awal secepat mungkin. Demam denggi boleh menjangkiti sesiapa sahaja dan menyebabkan kehilangan nyawa. Masyarakat hendaklah bersama-sama berganding bahu sesama jiran tetangga bergotong-royong memastikan tempat kediaman bersih dari tempat pembiakan Aedes. Semasa musim hujan yang melanda kebanyakan negeri pada masa sekarang, adalah penting sekiranya semua tempat-tempat air bertakung yang berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes dapat dihapuskan dengan segera bagi mengelakkan jangkitan demam denggi berlaku.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

14 November 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 45/2011  
(6 hingga 12 November 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 45/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 45/2010
		Minggu 45 (6 – 12 Nov 2011)	Minggu 44 (30 Okt – 5 Nov 2011)		
1	Perlis	1	2	96	192
2	Kedah	8	14	421	691 (3)
3	P. Pinang	16	13	1,423 (3)	1,522 (5)
4	Perak	35	30	1,152 (2)	2,065 (6)
5	Selangor	150 (1)	145	6,515 (8)	15,199 (42)
6	WPKL & Putrajaya	48	46	1,727 (2)	3,902 (6)
7	N. Sembilan	11	18	662 (3)	1,446 (7)
8	Melaka	7	7	357	1,306 (11)
9	Johor	16	24	1,398 (5)	3,989 (10)
10	Pahang	18	20	818 (1)	1,369 (4)
11	Terengganu	9	16	596 (1)	1,302 (2)
12	Kelantan	20	9	635 (1)	3,386 (11)
13	Sarawak	21	17	857	3,976 (13)
14	Sabah	7	5	367 (2)	1,962 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	17
	<b>MALAYSIA</b>	<b>367 (1)</b>	<b>366</b>	<b>17,033 (28)</b>	<b>42,324 (121)</b>

Nota: ( ) Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 45  
BAGI TAHUN 2011**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	WPKL	Klang Lama	Kolej ke 12 Universiti Malaya	22	55
2	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	20	49
3	WPKL	Klang Lama	Flat Taman Gembira	18	38
4	WPKL	Pusat bandar	Kg Baru C (RJ Abdullah/RJ Alang/RJ Uda/RJ Musa Abd Aziz/J.Hamzah/J.Daud/RJ Mahmud)	5	32
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bunga Melur Taman Suria Jaya.	4	32
6	SELANGOR	Klang (MBSA)	Seksyen 35 (Teres B Alam Impian)	8	33

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 45  
BAGI TAHUN 2011  
(6 hingga 12 November 2011)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	WPKL	Klang Lama	Flat Taman Gembira	5.4	5
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bunga Melur Taman Suria Jaya.	3.2	3
3	SELANGOR	Klang (MBSA)	Seksyen 35 (Teres B Alam Impian)	1.8	2